

Headline	Wanita hidap HIV meningkat		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	02 Dec 2011	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	26	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	82 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,211
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,633



Wanita hidap HIV meningkat

KUALA LUMPUR: Sehingga Disember tahun lalu, 20 peratus daripada 96,000 penghidap HIV positif di negara ini terdiri daripada kaum wanita dan kebanyakannya mendapat virus berkenaan daripada pasangan masing-masing.

Naib Presiden Majlis Aids Malaysia, Hisham Hussein, berkata rata-rata wanita berkenaan mendapat jangkitan HIV melalui hubungan seksual bersama suami.

Katanya, pemindahan virus HIV melalui hubungan seksual di negara ini semakin meningkat dan amat membimbangkan, iaitu sebanyak 48.6 peratus melebihi jumlah kes yang di-

sebabkan perkongsian jarum oleh penagih dadah.

“Trend pemindahan virus melalui kaedah ini mungkin disebabkan peningkatan hubungan seks rambang di kalangan lelaki yang sudah beristeri. Si suami melakukan hubungan seks dengan penghidap HIV yang rata-ratanya pekerja seks tanpa menggunakan kondom.

“Kes isteri melakukan hubungan seks dengan lelaki lain kecil bilangannya, berbanding suami yang berpotensi melakukan perkara itu,” katanya ketika lawatan Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Paul W Jones ke Pertubuhan Wanita dan Kesihatan Kuala Lumpur (Wa-ke) di sini, semalam.